

SULIT



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

HST328 – Kertas Khas dalam Sejarah Asia Tenggara

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Jawab DUA (2) soalan daripada Bahagian A dan DUA (2) soalan daripada Bahagian B. Jika calon menjawab lebih daripada EMPAT (4) soalan hanya EMPAT (4) soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberikan markah.

...2/-

SULIT

Bahagian A

1. Dengan merujuk kepada mana-mana teori, bincangkan sebab-sebab mengapa Indonesia boleh terlibat dalam kemelesetan ekonomi pada tahun 1929-1935.

[100 markah]

2. "Demokrasi dan hak asasi manusia tidak boleh dilaksanakan di Indonesia yang baru merdeka kerana evolusi sejarah mereka amat berbeza dari negara-negara Eropah." Nilaikan pernyataan tersebut.

[100 markah]

3. "Kemunculan Orde Baru sejak 1965 merupakan peluang bagi tentera Indonesia mengekalkan kuasanya dalam politik Indonesia." Nilaikan.

[100 markah]

4. "Golongan elit politik memainkan peranan dalam menentukan kejayaan revolusi Indonesia." Bahaskan.

[100 markah]

Bahagian B

5. "Agak ironis bahawa ekonomi Filipina antara 1920-an dan 1930-an tidak bermanfaat kepada orang Filipina sendiri." Bincangkan pernyataan ini dalam konteks perhubungan koloni Amerika-Filipina.

[100 markah]

6. "Usaha Amerika Syarikat yang cuba menggabungkan Filipina Utara dan Filipina Selatan dengan membawa masuk undang-undang, pendidikan dan menyusun semula penduduk Selatan dilihat memberi kesan yang negatif." Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan tersebut?

[100 markah]

...3/-

SULIT

7. "Tuntutan Filipina terhadap negeri Sabah merupakan tuntutan yang sah dan halal." Cerakinkan.

[100 markah]

- oooOooo -